

**Putrajaya:** Kementerian Pengangkutan (MOT) mengarahkan Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) supaya menjalankan kajian mendalam membabitkan kawasan berisiko berlakunya insiden pokok tumbang di sepanjang laluan rel syarikat itu.

Menterinya, Anthony Loke berkata, Prasarana juga perlu mengadakan perbincangan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan untuk mengenal pasti lokasi terbabit.

“Kerja-kerja penyelenggaraan ini sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa PBT dan terdapat juga

## Prasarana diarah kenal pasti kawasan berisiko

kawasan-kawasan persendirian, jadi kita tidak boleh sesuka hati masuk ke kawasan itu.

“Namun, sebagai operator kita perlu lebih proaktif dan saya minta Prasarana supaya membuat satu siasatan (kajian) yang lebih terperinci dengan melihat kawasan-kawasan yang berisiko ini,” katanya kepada media selepas Majlis Erat Kasih Madani dan Perhimpunan Bulanan MOT di sini, semalam.

Loke berkata, monorel dan LRT adalah sistem pe-

ngangkutan yang lebih berisiko untuk terdedah kepada insiden yang tidak diingini seperti pokok tumbang dan sebagainya, berikutan landasannya yang berada di tengah pusat bandar.

“Sebab kita punya sistem rel ini kebanyakannya rel bertingkat (*above ground*), kalau di bawah tanah itu tiada risiko begini, tapi monorel ini landasannya di tengah-tengah bandar raya. Memang penyelenggaraan pokok itu antara agenda utama,” katanya.